

## **SYARAT-SYARAT AM KEPADA KONTRAKTOR/PENYEBUT HARGA**

### **1. AM**

Kontraktor/Penyebut harga adalah diwajibkan mematuhi segala syarat-syarat sebut harga serta spesifikasi teknikal dan standard kualiti perkhidmatan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga ini. Kegagalan mematuhi segala syarat tersebut akan mengakibatkan permohonan ditolak.

### **2. TAKRIF**

Dalam Dokumen sebut harga ini dan dalam syarat-syarat dan jadual yang dinyatakan. melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain.

- |                           |   |   |
|---------------------------|---|---|
| <b>2.1 HARTA BENDA</b>    | - | ertiinya semua harta alih dan harta tidak alih  |
| <b>2.2 KERAJAAN</b>       | - | ertiinya kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Kelantan dan mana-mana yang bersesuaian.  |
| <b>2.3 PPAK</b>           | - | ertiinya Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan  |
| <b>2.4 PENGARAH</b>       | - | ertiinya Pengarah PPAK yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.   |
| <b>2.5 PEGAWAI</b>        | - | ertiinya Pegawai PPAK atau mana-mana Penyelia Pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.  |
| <b>2.6 PENYEBUT HARGA</b> | - | ertiinya orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang memasuki sebut harga.   |
| <b>2.7 KONTRAKTOR</b>     | - | ertiinya orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang sebut harganya telah disetuju terima termasuk wasi, pentadbir, pengganti dan penerima pindah milik orang itu atau kumpulan orang itu. |
| <b>2.8 DILULUSKAN</b>     | - | ertiinya kelulusan bertulis daripada Pengarah atau wakilnya.  |
| <b>2.9 DIARAH</b>         | - | ertiinya arahan bertulis oleh Pengarah atau wakilnya.   |
| <b>2.10 LUAR KONTRAK</b>  | - | kerja-kerja yang gagal dilakukan oleh Kontraktor sedia ada yang mana PPAK terpaksa menggunakan perkhidmatan kontraktor luar untuk menyelesaikan kerja kerja tersebut.   |

### **3. DESKRIPSI**

- 3.1 Kontraktor hendaklah menyediakan satu pelan Perolehan Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Dan Pencucian Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Dengan Pembersihan Dan Pencucian Pejabat Di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bagi Tahun 2021-2022 untuk persetujuan Perbadanan dan melaksanakannya dengan sempurna.
- 3.2 Kontraktor hendaklah menjalankan perkhidmatan tersebut jika dan apabila dikehendaki oleh PPAK.
- 3.3 Kontraktor hendaklah melaksanakan dan menyempurnakan perkhidmatan tersebut menurut spesifikasi yang ditetapkan.
- 3.4 Kawasan yang dinyatakan di dalam Spesifikasi Kerja itu menjadi asas bagi PPAK untuk mengeluarkan arahan kerja dan tertakluk kepada perubahan tambahan atau pengurangan sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kontrak ini.
- 3.5 Kontraktor hendaklah melaksanakan segala kerja-kerja seperti yang ditentukan dengan sempurna.
- 3.6 Sepanjang masa perjanjian ini berkuatkuasa, Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja mahir, bahan-bahan, alat-alat, mesin-mesin dan lain-lain keperluan yang sesuai dengan secukupnya untuk Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Dan Pencucian Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Dengan Pembersihan Dan Pencucian Pejabat Di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bagi Tahun 2021-2022, dengan sempurna.

### **4. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN DAN TEMPOH KONTRAK**

- 4.1 Harga yang ditawarkan hendaklah sah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tawaran ditutup. Jika penyebut harga menarik balik harganya itu dalam tempoh sah lakunya maka penyebut harga dianggap sebagai menarik balik tawarannya dan nama (syarikat) penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib untuk pengantungan pendaftaran.
- 4.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengikat kontrak untuk tempoh dua (2) tahun. Bagaimanapun tempoh kontrak perkhidmatan ini bergantung kepada mutu perkhidmatan yang ditunjukkan oleh kontraktor. Jika prestasi kontraktor adalah baik, kontrak ini boleh dilanjutkan selama satu (1) tahun lagi dengan persetujuan kedua-dua pihak. PPAK berhak menamatkan perjanjian kontrak sebelum berakhir tempoh kontrak dengan memberikan notis satu (1) bulan kepada kontraktor jika pihak PPAK mendapati perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.

## **5. PENAMATAN KONTRAK**

- 5.1 Kontrak ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan syarat suatu notis bertulis telah terlebih dahulu diberikan oleh PPAK dalam masa satu (1) bulan sebelum penguatkuasaannya dan kontraktor tidak akan bertanggungjawab untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya selepas habis tempoh notis tersebut. Penamatan kontrak ini tidak akan menjelaskan kewajipan Kontraktor untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya sebelum habis tempoh notis tersebut.
- 5.2 PPAK boleh menamatkan kontrak ini secara serta merta :
- i) Dalam masa satu (1) bulan selepas kontrak ini berkuatkuasa, jika Kontraktor gagal memberi perkhidmatan tersebut.
  - ii) Jika Kontraktor telah didapati gagal melaksanakan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dengan memuaskan mengikut penilaian Pengarah.
  - iii) Sekiranya tidak berkemampuan untuk meneruskan kontrak ini dan/atau telah menjadi muflis.
  - iv) Jika didapati berlaku perlanggaran mana-mana peruntukan kontrak ini oleh Kontraktor.
  - v) Kontraktor adalah sebuah syarikat yang mana satu perintah penggulungan telah dibuat terhadapnya oleh mahkamah.
  - vi) Kontraktor menyerah kontrak untuk dilaksanakan oleh Kontraktor lain.

Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan kontrak di atas tidak akan menjelaskan sebarang hak atau remedи yang terakru kepada PPAK.

## **6. “INTEGRITY PACT”**

Kontraktor/Penyebut Harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangi Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida adalah seperti di Lampiran C.

## **7. RASUAH**

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **8. FORCE MAJEURE**

Di mana pelaksanaan Kontrak ini tidak dapat diteruskan oleh Kontraktor akibat campur tangan Kerajaan atau bencana alam, pemberontakan, rusuhan, kekacauan awam, mogok, pertikaian buruh, kebakaran, bahaya-bahaya laut atau bahaya-bahaya lain yang berlaku di luar kawalan mana-mana pihak, maka pihak-pihak tersebut boleh memberi notis mengenai sebab-sebab kelewatan.

## **9. DENDA/KEGAGALAN MELAKSANAKAN TUGAS**

PPAK berhak mengurangkan/memotong bayaran kepada Kontraktor jika berlaku kegagalan menjalankan tugas yang disebabkan oleh Kontraktor sendiri. Bagi maksud ini, Kontraktor akan dianggap telah gagal, jika :

- 9.1 Pekerja lewat melaporkan diri di PPAK dan jumlah potongan adalah bersamaan dengan 25% daripada  $1/30^*$  x bayaran bulanan X bilangan pekerja yang lewat X bilangan hari.  
**Formula:**  $25\% \times 1/30^* \times \text{bayaran bulanan} \times \text{bilangan pekerja yang lewat X bilangan hari}$
- 9.2 Tidak menghantar pekerja secukupnya seperti yang dinyatakan di dalam Harga Tawaran. Jumlah pemotongan bersamaan  $1/30^* \times \text{bayaran bulanan} \times \text{bilangan pekerja mengikut jumlah pekerja yang tidak mencukup X hari}.$   
**Formula:**  $1/30^* \times \text{bayaran bulanan} \times \text{bilangan pekerja mengikut jumlah pekerja yang tidak mencukup X bilangan hari}$
- 9.3 Pekerja enggan melakukan tugas yang diperlukan oleh PPAK untuk keperluan harian seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi kerja. Kadar potongan adalah 2% dari bayaran bulanan X jumlah kejadian enggan melakukan kerja yang diperlukan oleh PPAK.  
**Formula:**  $2\% \times \text{bayaran bulanan} \times \text{jumlah kejadian}$

9.4 Kontraktor gagal melakukan kerja atau hasil kerja yang tidak memuaskan seperti yang ditetapkan dalam Skop Kerja dan Spesifikasi Perolehan Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Dan Pencucian Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Dengan Pembersihan Dan Pencucian Pejabat Di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bagi Tahun 2021-2022 dan di dalam kontrak ini. PPAK boleh menuntut pampasan sebanyak 5% dari bayaran bulanan. Tuntutan ini boleh dibuat melalui potongan inbois yang dituntut oleh kontraktor. Jika tuntutan pampasan tidak dibuat, PPAK boleh memilih untuk melantik Kontraktor lain untuk membuat kerja yang berkaitan dan Kontraktor hendaklah membayar kos yang terlibat. Keputusan ini akan ditentukan oleh PPAK dan ia adalah muktamad.

**Formula:      5%\* X bayaran bulanan**

**(\*Bergantung kepada jumlah hari dalam sebulan semasa kesalahan dilakukan)**

## **10. KERJA-KERJA DI LUAR KONTRAK**

Jika Kontraktor gagal melaksanakan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dengan memuaskan mengikut pendapat Pengarah, PPAK sentiasa berhak mendapatkan pelaksanaan perkhidmatan itu dari Kontraktor-Kontraktor lain sebagaimana yang difikirkan wajar tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kontraktor dan dengan itu PPAK mempunyai hak untuk menuntut daripada Kontraktor apa-apa jumlah perbelanjaan berlebihan yang dikenakan terhadap PPAK bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut dari Kontraktor-Kontraktor lain beserta kos pentadbiran sebanyak 25% dari jumlah perbelanjaan sebenar yang terpaksa ditanggung oleh PPAK.

## **11. GANTIRUGI**

Jika Kontraktor gagal melaksanakan perkhidmatan sebagaimana disyaratkan mengikut kepuasan hati Pengarah dan/atau dalam masa satu (1) bulan selepas kontrak ini ditandatangani atau memberikan perkhidmatan itu, PPAK berhak menamatkan kontrak ini dan berhak dibayar gantirugi bernilai keseluruhan deposit cagaran.

## **12. "SET OFF"**

PPAK sentiasa berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar oleh PPAK kepada Kontraktor di bawah kontrak ini atau di bawah mana-mana Kontrak dengan PPAK, daripada apa-apa wang kena dibayar oleh PPAK kepada Kontraktor di bawah kontrak ini. Jika wang yang kena dibayar kepada PPAK ini tidak mencukupi bagi menampung tuntutan tersebut, PPAK boleh menuntut baki tuntutan itu terus daripada Kontraktor dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas menerima tuntutan itu. Jika Kontraktor gagal membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, PPAK berhak menuntut jumlah yang sama daripada Kontraktor melalui mana-mana kontrak yang ditandatangani dengan PPAK.

### **13. MENDAPATKAN WANG KENA DIBAYAR**

Jika ada apa-apa wang atau hutang yang harus dibayar oleh Kontraktor kepada PPAK, wang tersebut bolehlah dipotong oleh PPAK daripada mana-mana wang yang menjadi genap masa dibayar atau pada bila-bila masa selepas itu kena dibayar kepada Kontraktor di bawah kontrak ini atau mana-mana kontrak lain dengan PPAK.

### **14. PINDAHMILIK DAN SUB-KONTRAK**

Kontraktor tidak boleh memberi, menawar, menjual, menyerah, membuat ataupun melepaskan kesemua kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya kepada mana-mana pihak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan PPAK secara bertulis. Pelanggaran syarat ini akan memberikan hak kepada PPAK untuk menamatkan kontrak ini tanpa menjelaskan hak PPAK bagi mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu.

### **15. BIL**

Bil-bil perkhidmatan tersebut hendaklah diserahkan oleh Kontraktor kepada PPAK selepas perkhidmatan itu dilaksanakan dengan sempurna. Pembayaran akan dibuat selepas penerimaan bil-bil yang sah dan teratur.

### **16. CARA PEMBAYARAN**

- 16.1 Bayaran akan dibuat terus kepada Kontraktor oleh Unit Kewangan, PPAK atas nilai kontrak perkhidmatan sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua pihak, kecuali sekiranya terdapat pemotongan maka bayaran yang akan dibuat ialah amaun bersih setelah ditolak jumlah potongan.
- 16.2 Bagi tujuan ini, bil-bil perkhidmatan daripada kontraktor hendaklah diserahkan kepada PPAK sebaik sahaja perkhidmatan bulanannya telah dilaksanakan, iaitu pada minggu pertama bulan berikutnya. Pegawai Penyelia akan mengesahkan bil-bil bagi perkhidmatan kontraktor jika beliau berpuashati dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Pembayaran kepada kontraktor adalah mengikut prosedur dan peraturan kewangan di mana bil-bil mestilah dipastikan dalam keadaan lengkap dan teratur.
- 16.3 Dalam masa kontrak ini dikuatkuasakan, PPAK akan membuat bayaran kepada Kontraktor satu bulan sekali tiap-tiap bulan yang berikutnya (contohnya : bagi bil dan kerja yang dilaksanakan pada bulan Februari 2021, bayaran adalah pada bulan Mac 2022 (dengan syarat dokumen lengkap). Dengan itu, Kontraktor hendaklah menghantar bil tuntutannya pada tiap-tiap akhir bulan kepada Pengarah PPAK tidak lewat dari 7 hari pada bulan berikutnya.

**17. KEROSAKAN KE ATAS HARTA BENDA MILIK PPAK, WARGA PPAK, PESERTA KURSUS DAN PELAWAT-PELAWAT PPAK**

Kontraktor hendaklah sentiasa berhati-hati untuk mengelakkan kerosakan dari berlaku ke atas harta benda milik PPAK, warga PPAK, peserta kursus dan pelawat-pelawat PPAK. Kontraktor akan dipertanggungjawabkan untuk mengganti, atas perbelanjaannya sendiri, apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap harta benda PPAK, warga PPAK, peserta kursus dan pelawat PPAK semasa menjalankan perkhidmatan di bawah kontrak ini serta Kontraktor akan juga dipertanggungjawabkan di atas segala kerugian atau kerosakan yang berlaku dengan apa cara jua yang disebabkan oleh alat keperluan Kontraktor yang dibawa ke kawasan PPAK berhubung dengan pelaksanaan kontrak ini.

**18. KESELAMATAN PEKERJA DAN ALAT-ALAT**

- 18.1 Kontraktor hendaklah memastikan pada setiap masa keselamatan pekerja-pekerja dan alat-alatnya semasa menjalankan kontrak ini di PPAK. PPAK tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berlaku ke atas dan/atau dialami oleh mana-mana pekerjanya dan/atau disebabkan oleh penggunaan alat-alat berkenaan.
- 18.2 Pekerja hendaklah menyerahkan surat pengesahan pemeriksaan perubatan doktor yang diperakui untuk memastikan pekerja-pekerja sihat dan berupaya serta bebas dari sebarang penyakit berjangkit termasuk yang bahaya seperti AIDS dan bebas dari penyalahgunaan dadah dan bebas juga daripada apa jua rekod jenayah.
- 18.3 Kontraktor dan pekerja-pekerjanya adalah sentiasa terikat untuk mematuhi semua peraturan keselamatan di dalam kawasan PPAK. Pihak PPAK sentiasa berhak untuk memberitahu Kontraktor akan ketidaksesuaian untuk diambil bekerja mana-mana pekerjanya di atas sebab keselamatan dan kesihatan. Kontraktor hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menyiasat kes tersebut dan, jika perlu memberhentikan pekerja itu.
- 18.4 Pihak PPAK berhak bila-bila masa mengarahkan kontraktor melakukan ujian air kencing (urine test) sekiranya perlu. Kos ujian adalah tanggungjawab pihak kontraktor.

**19. STATUS PEKERJA/DISIPLIN SEMASA BERTUGAS/PENGAWASAN KONTRAKTOR**

- 19.1 Pekerja-pekerja hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia. Bagaimanapun, pekerja warga asing juga boleh diterima dengan syarat mempunyai permit kerja yang sah dalam bidang kerja yang berkenaan serta peraturan-peraturan Imigresen dan lain-lain undang-undang yang berkaitan yang membolehkan mereka bekerja di Malaysia telah dipatuhi. (Salinan dokumen yang disahkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penyelia).

- 19.2 Kontraktor hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja adalah bersih dari rekod jenayah. Sekiranya pihak PPAK mendapati ada pekerja-pekerja mempunyai rekod yang tidak dilaporkan, pihak Kontraktor hendaklah mengambil tindakan serta merta untuk memberhentikan pekerja tersebut daripada bekerja di PPAK. (Salinan dokumen yang disahkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penyelia).
- 19.3 Pekerja hendaklah sihat dan bebas daripada penyakit berjangkit, seperti AIDS dan Penyalahgunaan Dadah. (Salinan sijil pemeriksaan Pegawai Perubatan (doktor) hendaklah diserahkan kepada pihak PPAK sebelum atau pada hari memulakan kerja).
- 19.4 Semua pekerja hendaklah terdiri daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 50 tahun, sihat dan berupaya menjalankan kerja.
- 19.5 Pekerja yang melebihi umur 50 tahun – 60 tahun mestilah mengemukakan sijil pemeriksaan Pegawai Perubatan (doktor) yang memperakui bahawa masih sihat dan berupaya menjalankan kerja-kerja fizikal dengan baik. (Salinan sijil pemeriksaan Pegawai Perubatan (doktor) hendaklah diserahkan kepada pihak PPAK sebelum atau pada hari memulakan kerja).
- 19.6 Pekerja yang gagal memenuhi para 20.1 hingga 20.5 dianggap gagal memenuhi syarat dan pegawai penyelia yang dilantik boleh meminta pekerja terlibat keluar daripada kawasan PPAK dan menganggap pihak syarikat tidak menghantar pekerja secukupnya dan dikenakan denda mengikut **para 9.2** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.
- 19.7 Penyelia hendaklah mempunyai sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang tugas dari mana-mana institusi yang diiktiraf atau mempunyai sijil kursus yang berkaitan sebagai asas pengesahan terhadap kemampuan dari segi pengetahuan dan latihan.
- 19.8 Pekerja-pekerja hendaklah mempunyai disiplin tentang kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut. Pekerja-pekerja yang tidak mempunyai disiplin dan tidak sesuai bekerja dengan kontraktor akan dilarang masuk ke kawasan ini atau dilarang sama sekali dari bekerja dengan kontraktor sekaligus dengan pihak PPAK.
- 19.9 Pekerja dikehendaki memakai pakaian seragam syarikat dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang secukupnya seperti sarung tangan, ‘wellington boots’ atau kasut getah yang setaraf dengannya, penutup mulut dan hidung dan lain-lain peralatan keselamatan kepada pekerja dan memakai tanda nama. Pakaian yang menjolok mata adalah ditegah dan PPAK berhak mengarahkan mereka ini meninggalkan kawasan PPAK dengan serta merta dan menganggap pihak syarikat tidak menghantar pekerja secukupnya dan dikenakan denda mengikut **para 9.2** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.
- 19.10 Pekerja yang gagal memenuhi **para 19.9** akan dianggap gagal memenuhi syarat dan pegawai penyelia yang dilantik boleh meminta pekerja terlibat keluar daripada kawasan PPAK dan menganggap pihak syarikat tidak menghantar pekerja secukupnya dan dikenakan denda mengikut **para 9.2** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.

- 19.11 Apa-apa pertukaran pekerja, mesti dimaklumkan oleh Kontraktor kepada Pegawai Penyelia PPAK.
- 19.12 Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kontrak ini, kontraktor hendaklah bertanggungjawab dalam apa jua arahan yang telah diberi kepada kontraktor.
- 19.13 Kontraktor hendaklah memastikan supaya tiada sebarang gangguan kepada pegawai PPAK, peserta kursus dan pelawat-pelawat PPAK semasa menjalankan tugasnya.
- 19.14 Kontraktor dikehendaki mengisi borang semak kerja harian, laporan kerja mingguan, laporan kerja bulanan, laporan kerja tiga (3) bulan sekali dan diserahkan kepada Ketua Unit Pentadbiran PPAK.

## **20. WAKTU BEKERJA**

- 20.1 Waktu bekerja adalah seperti berikut :-**  
**7.30 pagi – 4.30 petang**
- 20.2 Hari bekerja adalah seperti berikut :-**  
**Ahad hingga Khamis**
- 20.3 Waktu rehat adalah seperti berikut :-**  
**12.30 tengahari – 1.30 tengahari**

**(Bagaimanapun, jika terdapat keperluan mendesak, Pengarah atau Pegawai Penyelia boleh mengarahkan Kontraktor memberikan perkhidmatan pada hari Sabtu atau Hari Kelepasan Am tanpa apa-apa bayaran tambahan kepada kontraktor. Perubahan waktu bekerja boleh dibuat sekiranya mendapat persetujuan bersama antara pihak syarikat dan pihak PPAK).**

- 20.2 Setiap pekerja dan penyelia mesti mengetip (punch) kad perakam waktu kedatangan setiap kali datang dan balik kerja. Kegagalan berbuat demikian boleh diambil tindakan di bawah **para 9.1 atau 9.2 dalam Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.
- 20.3 Pegawai Penyelia akan menyediakan Laporan Kehadiran Bertugas Pekerja berdasarkan rekod kedatangan kad perakam waktu yang dibekalkan oleh kontraktor bagi setiap pekerja. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memaklumkan kepada Pegawai Penyelia senarai dan butir-butir terkini maklumat pekerja.
- 20.4 Pekerja tidak dibenarkan berehat di mana-mana aras bangunan PPAK kecuali di dalam bilik yang telah disediakan. Pekerja hanya dibenarkan makan di cafeteria/kantin PPAK atau mana-mana kedai makan atau mana-mana restoran pada waktu makan yang ditetapkan sahaja (**rujuk waktu bekerja dan rehat di atas**).
- 20.5 Pekerja layak diberi cuti rehat tujuh (7) hari setahun sepanjang tempoh kontrak tanpa menjejaskan perkhidmatan kepada pihak PPAK.

- 20.6 Sekiranya kegagalan pihak kontraktor menjalankan tugas disebabkan oleh kekurangan pekerja akibat daripada pekerja bercuti pihak PPAK boleh mengambil tindakan dibawah **para 9.1 hingga 9.4** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.

## 21. BILANGAN PEKERJA

- 21.1 Penyebut harga yang berminat mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang pekerja, salah satu (1) daripadanya adalah Penyelia dan ditempatkan secara tetap untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan membersih bangunan di PPAK.
- 21.2 Pekerja yang didapati menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dalam waktu bekerja boleh diarahkan berhenti serta merta oleh pegawai PPAK dan menganggap pihak syarikat tidak menghantar pekerja secukupnya dan dikenakan denda mengikut **para 9.2** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**.
- 21.3 Satu salinan surat perlantikan pekerja serta butiran lanjut mengenai Gaji, Elaun, KWSP dan PERKESO hendaklah dikemukakan kepada Pengarah atau Pegawai Penyelia.
- 21.4 Perubahan penempatan lokasi pekerja boleh dipinda dengan persetujuan bersama pihak kontraktor dan pihak PPAK.
- 21.5 Pihak PPAK boleh mengarahkan perubahan lokasi pekerja bila-bila masa jika difikirkan perlu demi kepentingan PPAK.

## 22. MENGGANTIKAN PERALATAN YANG PECAH/ROSAK/HILANG

Kontraktor adalah dikehendaki membayar gantirugi atau menggantikan alat-alat/harta benda milik PPAK atau pelawat/peserta kursus atau pihak yang berurusan di dalam premis PPAK yang dirosakkan/pecah/hilang di atas kecuaian atau disebabkan oleh pekerja-pekerja pihak Kontraktor dalam tempoh perkhidmatan, sekurang-kurangnya dalam bentuk barang-barang yang sama. Kegagalan membuat penggantian ini akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berdasarkan harga nilai semasa barang berkenaan. Dalam keadaan ini, sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

## 23. PROSES PENGENALAN TUGAS

Satu proses pengenalan tugas selama dua (2) hari akan diadakan seminggu sebelum kerja sebenar bermula tanpa sebarang bayaran. Proses pengenalan tugas akan dilakukan bersama dengan Pengarah atau Pegawai. Di antara perkara-perkara yang akan dilakukan ialah :

- a) Menyenaraikan dan mengenali para pekerja;

- b) Menyenarai dan mengenali bidang tugas;
- c) Penerangan tentang kerja dan standard kualiti kerja;
- d) Penerangan tentang peranan penyelia;
- e) Pemeriksaan mesin, peralatan, bahan pencuci dan sebagainya;
- f) Membuat jadual kerja.
- g) Penerangan peraturan-peraturan PPAK.

## **24. PENGANGKUTAN**

Pekerja-pekerja tidak dibenarkan tinggal di kawasan PPAK dan Kontraktor mestilah menyediakan segala keperluan pengangkutan pergi dan balik yang diperlukan pada tiap-tiap hari bagi tujuan kontrak ini. Semua pekerja dikehendaki meninggalkan premis PPAK selewat-lewatnya 7.00 petang kecuali dengan kebenaran atau arahan Pengarah atau Pegawai Penyelia.

## **25. PENGIKLANAN**

Kontraktor yang berjaya tidak dibenarkan menyiarkan iklan mengenai kejayaan dalam Sebut Harga ini di dalam sebarang akhbar atau media pengiklanan.

## **26. TEMPAT SIMPANAN KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah membuat persediaan sendiri bersabit dengan penyimpanan perkakas-perkakas, bahan-bahan dan lain-lain. Sebarang pembinaan atau permohonan tempat simpanan di dalam kawasan PPAK hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pengarah PPAK.

## **27. MESIN, PERALATAN, BEKALAN BAHAN KIMIA DAN BAHAN-BAHAN LAIN**

- 27.1 Kontraktor mestilah mempunyai mesin-mesin peralatan yang mencukupi dan sesuai seperti mesin pemotong rumput, alat pemotong pokok dan lain-lain berkaitan bagi menjamin pelaksanaan perkhidmatan ini. Alat-alat ini hendaklah dari jenis yang bermutu dan berkuasa tinggi serta sentiasa berkeadaan baik. Peralatan ini hendaklah dipamerkan seminggu sebelum kerja-kerja bermula dan hendaklah disimpan di dalam stor yang akan ditentukan oleh pihak PPAK.

- 27.2 Kontraktor dikehendaki menggunakan bahan-bahan lain yang diperlukan seperti ‘garbage bag’ yang bermutu tinggi dan berkualiti bagi kerja-kerja mengangkut sampah. Bekalan hendaklah sentiasa mencukupi untuk stok tiga (3) bulan. Pemeriksaan baki stok akan dijalankan jika perlu. Tiap-tiap contoh bahan ini hendaklah dikemukakan kepada pihak PPAK untuk persetujuan dan disimpan sebagai rujukan. Contoh-contoh bahan ini hendaklah diserahkan dalam tempoh seminggu sebelum permulaan kerja. Semua kos berkaitan dengan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan kerja di bawah kontrak ini dengan baik adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

## 28. PAKAIAN KESELAMATAN

Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam berlogo syarikat, memakai tanda nama dan bertopi. Pakaian yang menjolok mata adalah dilarang sama sekali dan PPAK berhak mengarahkan mereka ini meninggalkan kawasan PPAK dengan serta merta. Semua pekerja diwajibkan memakai kasut semasa bertugas.

## 29. MERAHSIAKAN MAKLUMAT

Kontraktor semasa memberikan perkhidmatan tersebut hendaklah mematuhi peraturan berikut :

- 29.1 Tidak boleh menggunakan kebenaran yang diberi kepadanya, agennya dan pekerjanya untuk memberi perkhidmatan tersebut, bagi mendapatkan sesuatu benda, surat-suratan atau tempat perkhidmatan tersebut dilaksanakan.
- 29.2 Sesuatu benda, surat-suratan atau maklumat rasmi yang diperolehi dengan sebab kewajipannya sebagai penyedia perkhidmatan tersebut hendaklah dikawal dan dijaga keselamatan atau kerahsiaan benda, surat-suratan atau maklumat rasmi itu.
- 29.3 Tanpa kebenaran yang sah, tidak boleh membantu atau membenarkan seseorang lain memiliki sebarang benda, surat-suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat di mana perkhidmatan dibuat.
- 29.4 Jika dapat memiliki sesuatu benda atau surat-suratan rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan cara lain, hendaklah memulangkannya dengan serta-merta kepada pihak PPAK.
- 29.5 Tanpa kuasa yang sah, tidak boleh memiliki sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meteri atau cop yang berkaitan dengan tempat di mana perkhidmatan sedang dilaksanakan.
- 29.6 Kegagalan mematuhi kehendak peruntukan-peruntukan di bawah **para 29.1 hingga 29.5** dalam **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga**, kontraktor boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau ditamatkan kontraknya atau kedua-duanya sekali.

### **30. TIMBANGTARA**

Apa-apa pertikaian daripada kontrak ini hendaklah diselesaikan dengan cara timbangtara mengikut Ordinan Timbangtara 1952.

### **31. INSURANS, CARUMAN KWSP DAN INDEMNITI**

- 31.1 Kontraktor hendaklah menerima apa-apa tanggungan dan hendaklah membayar gantirugi kepada PPAK terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan, kos perbicaraan, perbelanjaan atau gantirugi yang timbul akibat dari mana-mana kerosakan harta benda sama ada kepunyaan PPAK atau mana-mana pihak disebabkan kecuaian atau keingkaran atau perbuatan sengaja Kontraktor, pekerja-pekerja atau agen-agennya yang disebabkan oleh atau timbul daripada atau semasa Kontraktor melaksanakan atau menjalankan perkhidmatan di bawah kontrak ini.
- 31.2 Tanpa menimbulkan apa-apa prasangka terhadap tanggungannya untuk menggantirugi PPAK sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, Kontraktor hendaklah mengambil di atas perbelanjaannya sendiri sebelum memulakan kerja-kerja kontrak ini suatu polisi insurans dengan mana-mana syarikat insurans yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk melindungi tanggungan tersebut.
- 31.3 Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membayar caruman kepada Tabung Simpanan Pekerja mengikut "Employees Provident Fund Ordinance 1951" atau PERKESO mengikut mana yang berkenaan, terhadap semua pekerjanya, termasuk pekerja-pekerja sambilan dan juga mematuhi semua peruntukan kedua-dua akta berkenaan dan segala perundangan kecil yang dibuat di bawahnya yang berkaitan pekerja-pekerja yang diambil kerja oleh kontraktor untuk pelaksanaan kontrak ini.

### **32. DUTI SETEM**

Apa-apa duti setem yang harus dibayar berhubung dengan kontrak ini akan ditanggung oleh Kontraktor.

### **33. ALAMAT SURAT MENYURAT**

Sekiranya berlaku pertukaran alamat atau 'entiti' Kontraktor, pihak Kontraktor adalah dikehendaki memberitahu PPAK secara bertulis tentang alamat atau 'entiti' barunya dalam masa empat belas hari (14) dari tarikh pertukaran alamat.

#### **34. PINDAAN KEPADA TERMA PERJANJIAN**

Walau apa juga syarat di dalam kontrak ini, Kerajaan (PPAK) dengan persetujuan kontraktor berhak meminda mengikut keperluan kuantiti, memberi arahan, menambah bidang tugas, spesifikasi tugas dan kawasan kerja, dengan bayaran atau tanpa apa-apa bayaran kepada Kontraktor. Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga** yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana **Syarat-Syarat Am Kepada Kontraktor/Penyebut Harga** itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

#### **35. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

#### **36. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

#### **37. PERSETUJUAN**

- (i) PPAK tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebutharga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebutharga yang berasingan.

#### **38. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**39. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai SALES AND SERVICES TAX (SST).

**40. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN**

**2021**

*Qari/sebutharga/Pembersihan Bangunan Dan Pejabat PPAK/*